



MARITIM Malaysia Selangor menahan empat nelayan warga asing yang leka menangkap ikan menggunakan pukat tunda bersama barang terlarang di kedudukan 10.8 batu nautika barat Sekinchan.

HA 10/03/14 MJS 13

Layan dadah sambil tangkap ikan

Sekinchan: Tidak hanya 'meramps' kerjaya nelayan tempatan malah nelayan warga asing turut dikesan membawa budaya buruk menagih pelbagai jenis dadah ketika menangkap ikan di laut.

Ini terbukti apabila Agen-
si Penguatkuasaan Maritim
Malaysia (Maritim Mal-
aysia) Selangor memberkas
empat nelayan asing sebe-
lum menemui dan meram-
pas peralatan menghisap
dadah syabu, ubat batuk selain
beg plastik mangan-

dungi daun ketum.

Pengarah Maritim Se-
langor Kepten Maritim Abdul Muhammin Muhammad Salleh berkata, pihaknya mengesan bot nelayan mencurigakan semasa melakukan rondaan rutin di perairan Sekinchan.

Beliau berkata, bot dikendalikan seorang tekong dan tiga kru warga Myan-
mar berusia antara 30 hingga 38 tahun itu sedang menjalankan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukat tunda.

"Pemeriksaan lanjut me-
nemu tiga set peralatan
menghisap dadah, tiga pe-
ket plastik lut sinar me-
ngandungi hablur kristal
berwarna putih disyaki sya-
bu anggaran berat kasar ti-
ga gram, tiga botol ubat ba-
tuk dan satu plastik beg hi-
tam mengandungi daun ketum
seberat tiga kilogram.

"Turut ditemui satu tangki simpanan bahan api yang diubah suai berisi anggaran 400 liter minyak diesel di bahagian hadapan dek bot," katanya.

Abdul Muhammin berka-
ta, kes disiasat mengikut
Akta Dadah Berbahaya 1952 +
dan Akta Racun 1952 selain
Akta Perikanan 1985 kera-
na menggunakan warga
asing dan memasang alat
perhubungan elektronik
menangkap ikan tanpa ke-
benaran bertulis Ketua
Pengarah Jabatan Perika-
nan Malaysia.

"Siasatan turut memba-
bitkan Akta Imigresen
1959/63 kerana tiga kru
yang ditahan bekerja tanpa
permit yang sah," katanya.